



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16/1/2020	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

2 lelaki miliki 146 tenggiling dipenjara, denda RM1.46 juta

Bintulu: Dua lelaki dari Pulau Pinang dipenjara setahun dan denda RM1.46 juta seorang selepas Mahkamah Seksyen Bintulu semalam, mendapati mereka bersalah memiliki 146 tenggiling.

Kedua-dua lelaki itu didapati bersalah kerana memiliki spesies dilindungi mengikut Seksyen 37(2)(b) dan 37(1) *Wild Life Protection Ordinance 1998*.

Kesalahan itu dilakukan di perairan Bintulu pada awal April 2018 selepas ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Bintulu sebelum diserahkan kepada Jabatan Hutan Sarawak.

Keputusan dibuat terhadap kedua-dua tertuduh di hadapan Hakim Norhamizah Shaiffuddin.

Bagaimanapun, tertuduh ketiga dan keempat iaitu warga India dan Vietnam didapati tidak bersalah dan dibebaskan.



SEBAHAGIAN daripada 146 tenggiling yang dirampas APMM.

Aktiviti penyeludupan haiwan liar adalah kesalahan serius dan berleluasa di Sarawak.

Mengikut rekod, rampasan ke atas haiwan itu yang terbesar di negara ini setakat ini.